

**SOALAN NO.381**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[BACHOK]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah keluarga yang masuk dalam kategori miskin tegar akibat musibah banjir di Kelantan. Berapakah jumlah kes kaunseling dan kursus ekonomi sara diri diberikan oleh JKM bagi mangsa-mangsa banjir di Kelantan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA**  
**DAN MASYARAKAT**

Bencana banjir yang berlaku di Kelantan pada tahun 2014 merupakan satu kejadian luar biasa yang melibatkan **87,024 keluarga** dan **339,704 mangsa**. Daripada jumlah tersebut, **17,916 keluarga (20.59%)** adalah terdiri daripada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

JKM sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam pengurusan bencana banjir selaras dengan Arahan No.20 (Semakan Semula) Majlis Keselamatan Negara (MKN). Selain bertanggungjawab dalam penyaluran bantuan keperluan asas dan makanan di pusat pemindahan serta pendaftaran, JKM turut berperanan memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada mangsa banjir.

Bagi bencana banjir di negeri Kelantan, JKM melalui Pasukan Kaunselor/Psikologi telah mengendalikan perkhidmatan sokongan

psikologikal untuk mangsa bencana yang melibatkan jajahan Kota Bharu, Tumpat, Machang, Pasir Mas, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang. Seramai 52 orang Pegawai Psikologi telah terlibat dalam menjalankan intervensi kaunseling kepada mangsa banjir di negeri Kelantan seperti berikut:

- |       |                               |   |      |
|-------|-------------------------------|---|------|
| (i)   | Sesi Sokongan Psikologikal    | - | 1988 |
| (ii)  | Sesi Kelompok Psikopendidikan | - | 401  |
| (iii) | Sesi Intervensi Krisis        | - | 78   |

Jumlah mangsa bencana yang telah menerima bantuan perkhidmatan sokongan psikologikal di Kelantan adalah seramai **13,390 orang kanak-kanak dan 189 orang dewasa.**

Selain itu, bagi membantu memulihkan taraf ekonomi mangsa yang terjejas akibat musibah banjir di Kelantan, JKM mengambil langkah proaktif dengan menawarkan bantuan berbentuk pakej melalui Program 1AZAM dan Geran Pelancaran kepada yang berminat serta berkelayakan.